

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN MESYUARAT
KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA PARLIMEN
KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci jumlah tempat selamat yang mempunyai kepakaran khusus dalam keganasan rumah tangga di Malaysia dan senaraikan lokasi tempat selamat tersebut berserta perkhidmatan yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undangundang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat di bendung.

Tuan Yang di-Pertua,

Tempat Selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau oleh mana-mana agensi atau pertubuhan sukarela lain yang

SOALAN NO : 97

diluluskan oleh Menteri bagi maksud-maksud Akta Keganasan Rumah Tangga. Tempat-tempat tersebut dapat menerima mangsa keganasan rumah tangga buat sementara waktu.

Tempat Selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga diwujudkan bagi memberi perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Perkhidmatan yang diberi adalah berdasarkan kesesuaian selepas intervensi dilaksanakan dengan mangsa. Sekiranya mangsa memerlukan perkhidmatan yang memerlukan kepakaran khusus seperti perkhidmatan kaunseling, mangsa akan dirujuk kepada kaunselor berdaftar.

Pada masa ini terdapat 43 buah Tempat Selamat di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di seluruh negara. Lokasi Tempat Selamat ini tidak boleh didedahkan kepada orang awam atas faktor keselamatan kepada mangsa yang diberi perlindungan. Mangsa yang ingin mendapatkan perlindungan di Tempat Selamat boleh menghubungi atau datang ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di mana mangsa tinggal.